

KENYATAAN TAWARAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TENDER PERKHIDMATAN NAIK TARAF SISTEM PENGURUSAN REPOSITORI PINTAR (DELIMAFLIX) KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender-Petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berikut yang masih sah dan berkuat kuasa pada tarikh tutup tawaran ini dan mempunyai token ePerolehan yang belum luput tarikh:

i.	210104	<i>Software/System Development/Customization And Maintenance</i>
----	---------------	--

2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	TAJUK TENDER	TENDER PERKHIDMATAN NAIK TARAF SISTEM PENGURUSAN REPOSITORI PINTAR (DELIMAFLIX) KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)
2.	KOD TENDER	QT260000000016159
3.	TARIKH IKLAN TENDER	14 JULAI 2026 (SELASA)
4.	TARIKH TUTUP TENDER	4 OGOS 2026 (SELASA)

3. Tender dilaksanakan melalui sistem e-Perolehan secara atas talian sepenuhnya. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH berstatus eP-enabled (mempunyai ID log masuk dan sijil digital yang telah diaktifkan)**.
4. Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem e-Perolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender.
5. Cara-cara mengunci masuk ke dalam Sistem e-Perolehan:

- 5.1 Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungan Dokumen Tender dengan **TELITI** sebelum mengunci masuk di dalam sistem e-Perolehan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan mengakibatkan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 5.2 Semua lampiran / borang dalam sistem e-Perolehan hendaklah diisi dengan **LENGKAP DAN JELAS** serta **MEMATUHI ARAHAN** yang dinyatakan.
- 5.3 Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut tidak akan dipertimbangkan/ditolak.

6. **Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:**

- a. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam sistem e-Perolehan; atau
 - b. Petender **GAGAL** memuatnaik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam sistem e-Perolehan.
7. **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem e-Perolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Tawaran yang lewat dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem e-Perolehan tidak akan dipertimbangkan.**
8. Kehadiran ke sesi taklimat adalah **DIGALAKKAN**. Sesi taklimat akan diadakan secara bersemuka dan petender boleh merujuk kepada dokumen tender di dalam sistem e-Perolehan untuk maklumat taklimat tender.
9. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Bagi Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Petender.
10. Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
11. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan <http://www.moe.gov.my>, e-Perolehan dan MyPROCUREMENT. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.